

**KECERDASAN PELBAGAI DAN  
HUBUNGANNYA DENGAN TAHAP  
PENGUASAAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI:  
KAJIAN KES DI SALAH SEBUAH SEKOLAH  
MENENGAH DI NEGERI KEDAH**

**AUGUSTINE BIN TOWONSING**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2013**

**KECERDASAN PELBAGAI DAN  
HUBUNGANNYA DENGAN TAHAP**

**PENGUASAAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI:  
KAJIAN KES DI SALAH SEBUAH SEKOLAH  
MENENGAH DI NEGERI KEDAH**

**oleh**

**AUGUSTINE BIN TOWONSING**

**Tesis yang diserahkan untuk  
Memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**November 2013**

## **PENGHARGAAN**

Saya sangat bersyukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kasih kurniaNya akhirnya saya berjaya menyiapkan tesis Geografi ini walaupun dalam keadaan susah payah. Tidak dilupakan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia penyelidikan ini iaitu Profesor Madya Dr. Habibah Lateh yang juga Dekan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh yang bukan sahaja terus memberi bimbingan, sentiasa bersedia membantu apabila diperlukan tetapi juga telah memberi kepercayaan sepenuhnya kepada saya menjalankan penyelidikan sekaligus membolehkan saya belajar berdikari, merancang, membuat keputusan dan meneroka bidang penyelidikan ini.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada semua mantan pengetua yang pernah mentadbir Sekolah Menengah Kebangsaan Gurun sepanjang penyelidikan ini dijalankan sehingga selesai iaitu En. Mangalanathan a/l Sanggaran, En. Azizan B. Abdul Hamid, En. Nasruddin Ab. Rahman dan kepada Pengetua sekolah semasa En. Osman B. Omar. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua penolong kanan sekolah dan mantan Penolong Kanan Petang En. Sirajuddin B. Hamid dan juga Penolong Kanan Petang sekolah semasa En. Abdul Razak B. Abdul Aziz kerana memahami keadaan saya sepanjang pengajian saya dan seterusnya kepada semua warga sekolah khasnya staf sesi petang di atas bantuan dan kesudian memberikan bantuan apabila diperlukan. Tidak dilupakan juga ribuan terima kasih kepada para pelajar yang sudi menjadi responden kajian ini.

Tidak dilupakan juga pengorbanan, sokongan dan teguran isteri tercinta Corinne Vong semasa dalam penyediaan soalan soal selidik serta menyemak terjemahan soalan Soal Selidik Kecerdasan Pelbagai. Kepada anak-anak, Kimberley, Sandra dan Laura serta adik saya Maria dan bapa mertua saya Bernard Vong yang memahami keadaan saya sepanjang menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyiapan kajian ini. Terima kasih kepada semua.

Augustine Towonsing  
05hb. November 2013.

## ISI KANDUNGAN

Penghargaan .....	i
Isi Kandungan .....	iii
Senarai Peta .....	ix
Senarai Jadual .....	x
Senarai Gambar Rajah .....	xiii
Abstrak .....	xvi
Abstract .....	xviii

### BAB 1 – PENDAHULUAN

1.0	Latar Belakang Kajian .....	1
1.1	Pernyataan Masalah .....	9
1.2	Rasional Kajian .....	17
1.3	Skop dan batasan kajian .....	20
1.3.1	Definisi Operasional .....	21
1.3.1.1	Guru Geografi .....	21
1.3.1.2	Pelajar Geografi .....	21
1.3.1.3	Tahap Penguasaan Mata Pelajaran Geografi ...	22
1.3.1.4	Persepsi Pelajar .....	22
1.3.1.5	Kecerdasan Pelbagai Dominan .....	22
1.3.1.6	Kecerdasan .....	23
1.3.1.7	Kecerdasan Pelbagai .....	23
1.4	Tujuan Kajian .....	24
1.5	Matlamat Dan Objektif Kajian .....	24

1.6	Persoalan Kajian .....	25
1.7	Hipotesis .....	26
1.8	Latar Belakang Kawasan Kajian .....	27
1.9	Reka Bentuk Penyelidikan .....	31
1.10	Faedah Kajian .....	33

## BAB 2 – ULASAN KARYA

2.0	Pendahuluan .....	36
2.1	Teori Kecerdasan Tradisional .....	36
2.2	Teori Kecerdasan Pelbagai .....	39
2.2.1	Kecerdasan Verbal-Linguistik .....	44
2.2.2	Kecerdasan Logik-Matematik .....	45
2.2.3	Kecerdasan Visual Ruang .....	45
2.2.4	Kecerdasan Kinestetik .....	46
2.2.5	Kecerdasan Muzik .....	47
2.2.6	Kecerdasan Interpersonal .....	48
2.2.7	Kecerdasan Intrapersonal .....	49
2.2.8	Kecerdasan Naturalis .....	50
2.3	Kecerdasan Pelbagai Dan Hubungan Dengan Jantina .....	52
2.4	Kecerdasan Pelbagai Dan Hubungan Dengan Pencapaian Dalam Pendidikan .....	56
2.5	Kecerdasan Pelbagai Dan Hubungan Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Geografi .....	58
2.6	Kesimpulan .....	63

## BAB 3 – METODOLOGI

3.0	Pendahuluan .....	65
3.1	Reka Bentuk Teoritikal .....	65
3.2	Reka Bentuk Konseptual Kajian.....	68
3.3	Pemilihan Responden .....	70
3.4	Teknik Persampelan .....	71
3.5	Peralatan Kajian .....	72
3.5.1	Soal Selidik Kecerdasan Pelbagai .....	73
3.5.2	Lembaran Skor Pencapaian Peribadi .....	75
3.5.3	Kebolehpercayaan Dan Kesahihan Alat .....	76
3.6	Prosedur .....	78
3.6.1	Ujian Percubaan .....	79
3.6.2	Penulisan Laporan Kajian .....	81
3.7	Kajian Sebenar .....	81
3.8	Analisis Data .....	82
3.8.1	Statistik Deskriptif .....	82
3.8.2	Statistik Inferensi .....	83
3.9	Kesimpulan .....	84

## BAB 4 – ANALISIS DATA

4.0	Pendahuluan .....	85
4.1	Keputusan Ujian Hipotesis .....	85

4.1.1	H1 : Terdapat Kecerdasan Pelbagai Sedia Ada Yang Dominan Dalam Kalangan Pelajar Geografi Tanpa Mengira Jantina.....	86
4.1.2	H2: Terdapat Kepelbagaian Kecerdasan Yang Dominan Dalam Kalangan Pelajar Mengikut Jantina.....	88
4.1.2.1	Perbezaan Interaksi Pelajar Mengikut Jantina Berhubung Dengan Analisis Item Soal Selidik Kecerdasan Pelbagai (SSKP).....	92
4.1.2.1.1	Perbezaan Persepsi Pelajar Geografi Mengikut Jantina Berhubung Kecerdasan Verbal-Linguistik.....	92
4.1.2.1.2	Perbezaan Persepsi Pelajar Geografi Mengikut Jantina Berhubung Kecerdasan Logik-Matematik.....	97
4.1.2.1.3	Perbezaan Persepsi Pelajar Geografi Mengikut Jantina Berhubung Kecerdasan Visual Ruang.....	104
4.1.2.1.4	Perbezaan Persepsi Pelajar Geografi Mengikut Jantina Berhubung Kecerdasan Kinestetik..	111
4.1.2.1.5	Perbezaan Persepsi Pelajar Geografi Mengikut Jantina Berhubung Kecerdasan Muzik.....	119
4.1.2.1.6	Perbezaan Persepsi Pelajar Geografi Mengikut Jantina Berhubung Kecerdasan Interpersonal.....	125
4.1.2.1.7	Perbezaan Persepsi Pelajar Geografi Mengikut Jantina Berhubung Kecerdasan Naturalis....	134



4.1.2.1.8	Perbezaan Persepsi Pelajar Geografi Mengikut Jantina Berhubung Kecerdasan Intrapersonal.....	139
4.1.3	H3: Terdapat Korelasi Signifikan Di Antara Kecerdasan Pelbagai Sedia Ada Dalam Kalangan Pelajar Geografi Dengan Tahap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Geografi.....	144
4.1.4	H4: Kecerdasan Logik-Matematik Dan Kecerdasan Verbal Linguistik Bukan Kecerdasan Penentu Yang Menentukan Tahap Penguasaan Mata Pelajaran Geografi Dalam Kalangan Pelajar Geografi.....	146

## BAB 5 – DAPATAN, SARANAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

5.0	Pendahuluan .....	149
5.1	Perbincangan Dapatan Kajian .....	149
5.1.1	Terdapat Kepelbagaian Kecerdasan Pelbagai Sedia Ada Dalam Kalangan Pelajar Geografi.....	150
5.1.2	Terdapat Kepelbagaian Kecerdasan Yang Dominan Dalam Kalangan Pelajar Mengikut Jantina.....	152
5.1.3	Kecerdasan Pelbagai Sedia Ada Dalam Kalangan Pelajar Geografi Mempunyai Hubungan Signifikan Dengan Tahap Penguasaan Dalam Mata Pelajaran Geografi.....	161
5.1.4	Kecerdasan Logik-Matematik dan Kecerdasan Verbal Linguistik bukan kecerdasan penentu tahap penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Geografi.....	169
5.2	Rumusan Dapatan .....	175
5.3	Saranan Dan Implikasi Kajian .....	177
5.3.1	Saranan.....	177
5.3.1.0	Guru Perlu Memahami Bagaimana Konsep Kecerdasan Pelbagai Membantu Guru Memahami Potensi Pelajar.....	178

5.3.1.1	Guru Perlu Mengambil kira Kecenderungan Kecerdasan Pelbagai Pelajar Secara Kolektif Tanpa Mengira Jantina.....	179
5.3.1.2	Guru Perlu Menyediakan Bahan Pengajaran Pembelajaran Mengikut Kecerdasan Pelbagai Pelajar Yang Dominan.....	181
5.3.1.3	Guru Perlu Mengambil kira Kecenderungan Dominan Kecerdasan Pelbagai Dalam Kalangan Pelajar Mengikut Jantina.....	183
5.3.1.4	Guru Perlu Mengambil kira Persepsi Pelajar Terhadap Gaya Pengajaran Pembelajaran.....	185
5.4	Implikasi Kajian .....	187
5.5	Cadangan Penyelidikan Akan Datang .....	191
5.6	Kesimpulan .....	192

## **SUMBER RUJUKAN**

Sumber Rujukan .....	193
----------------------	-----

## **LAMPIRAN**

Lampiran A : Soalan Soal Selidik Kecerdasan Pelbagai .....	195
Lampiran B : Lembaran Skor Pencapaian Individu .....	203

## SENARAI PETA

		<b>Muka Surat</b>
Peta 1.0	Lokasi Kawasan Kajian.....	28
Peta 1.1	Kedudukan Kawasan Kajian.....	29
Peta 1.2	Lokasi Kawasan Kajian.....	29

## SENARAI JADUAL

	<b>Muka Surat</b>
Jadual 1.1 Perbandingan gred pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Geografi bagi tempoh 12 tahun di sekolah yang dikaji.....	11
Jadual 1.2 Analisis pencapaian Peperiksaan Akhir Tahun 2009 bagi mata pelajaran Geografi tingkatan satu dalam kajian kes sekolah terpilih.....	11
Jadual 3.1 Kategori min yang diperlukan dalam penentuan kecerdasan pelbagai yang dominan dalam kalangan pelajar.....	83
Jadual 4.1 Statistik Deskriptif bagi kecerdasan pelbagai yang paling dominan dalam kalangan pelajar Geografi tanpa mengira jantina.....	86
Jadual 4.2 Hierarki Kecerdasan Pelbagai yang paling dominan dalam kalangan pelajar Geografi tanpa mengira jantina....	87
Jadual 4.3 Perbezaan Kecerdasan Pelbagai dalam kalangan pelajar Geografi mengikut jantina.....	89
Jadual 4.4 Perbezaan persepsi pelajar Geografi terhadap kenyataan dalam SSKP bagi Kecerdasan Verbal-Linguistik mengikut jantina.....	93
Jadual 4.5 Perbezaan persepsi pelajar Geografi terhadap kenyataan dalam SSKP bagi Kecerdasan Logik-Matematik mengikut jantina.....	98
Jadual 4.6 Perbezaan persepsi pelajar Geografi terhadap kenyataan dalam SSKP bagi Kecerdasan Visual Ruang mengikut jantina.....	104
Jadual 4.7 Perbezaan persepsi pelajar Geografi terhadap kenyataan dalam SSKP bagi Kecerdasan Kinestetik mengikut jantina.....	112
Jadual 4.8 Perbezaan persepsi pelajar Geografi terhadap kenyataan dalam SSKP bagi Kecerdasan Muzik mengikut jantina.....	120

Jadual 4.9	Perbezaan persepsi pelajar Geografi terhadap kenyataan dalam SSKP bagi Kecerdasan Interpersonal mengikut jantina.....	126
Jadual 4.10	Perbezaan persepsi pelajar Geografi terhadap kenyataan dalam SSKP bagi Kecerdasan Naturalis mengikut jantina.....	135
Jadual 4.11	Perbezaan persepsi pelajar Geografi terhadap kenyataan dalam SSKP bagi Kecerdasan Intrapersonal mengikut jantina.....	141
Jadual 4.12	Korelasi hubungan di antara kecerdasan pelbagai pelajar Geografi dengan tahap penguasaan mata pelajaran Geografi.....	145
Jadual 4.13	Korelasi hubungan di antara kecerdasan pelbagai pelajar Geografi dengan tahap penguasaan mata pelajaran Geografi (Keputusan peperiksaan mata pelajaran Geografi).....	147
Jadual 5.1	Perbezaan frekuensi gred pencapaian pelajar Geografi dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Akhir Tahun 2010 mengikut jantina.....	159
Jadual 5.2	Korelasi hubungan di antara kecerdasan pelbagai pelajar Geografi secara kolektif berbanding dengan kecerdasan pelbagai yang signifikan dalam penguasaan mata pelajaran Geografi.....	161
Jadual 5.3	Korelasi di antara kecerdasan pelbagai pelajar Geografi mengikut jantina dalam hubungan dengan tahap penguasaan mata pelajaran Geografi bagi kecerdasan pelbagai yang signifikan dengan tahap penguasaan pelajar.....	163
Jadual 5.4	Kecerdasan pelbagai yang dominan sedia ada yang signifikan dengan kecerdasan pelbagai signifikan dengan tahap penguasaan mata pelajaran Geografi mengikut jantina.....	166
Jadual 5.5	Skor perbezaan kecerdasan pelbagai dalam kalangan pelajar Geografi mengikut jantina.....	171

Jadual 5.6 Korelasi di antara kecerdasan pelbagai pelajar Geografi mengikut jantina dalam hubungan dengan tahap penguasaan mata pelajaran Geografi bagi kecerdasan pelbagai yang signifikan dengan tahap penguasaan pelajar.....

172

## SENARAI GAMBAR RAJAH

		<b>Muka Surat</b>
Rajah 1.1	Lapan Jenis Kecerdasan Pelbagai.....	7
Rajah 1.2	Analisis pencapaian Peperiksaan Akhir Tahun, 2009.....	13
Rajah 1.3	Enam arah yang mana pelajar berbeza.....	14
Rajah 1.4	Bilangan dan jenis pekerjaan bapa pelajar dalam kawasan kajian.....	29
Rajah 1.5	Peratusan keterlibatan bapa pelajar mengikut jenis pekerjaan.....	31
Rajah 1.6	Reka Bentuk Penyelidikan.....	33
Rajah 3.1	Reka Bentuk Teoritikal Kajian.....	67
Rajah 3.2	Rangka Konseptual Kajian – Kecerdasan pelbagai dalam hubungan dengan tahap penguasaan mata pelajaran Geografi.....	69
Rajah 4.1	Perbezaan Kecerdasan Pelbagai dalam kalangan pelajar Geografi mengikut jantina.....	90
Rajah 4.2	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung kenyataan “Buku Geografi sangat penting pada saya.”.....	95
Rajah 4.3	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung kenyataan “Saya suka permainan yang melibatkan perkataan seperti meneka kata laluan.”.....	97
Rajah 4.4	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung kenyataan “Saya menyimpan barang kepunyaan saya dengan kemas.”.....	100
Rajah 4.5	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung dengan kenyataan “Saya tidak mempunyai masalah dengan pengiraan di dalam mata pelajaran Geografi.”.....	101

Rajah 4.6	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung dengan kenyataan “Saya boleh memberi pendapat yang tepat tentang sesuatu isu.”.....	102
Rajah 4.7	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung dengan kenyataan “Saya boleh mengaitkan makna dengan warna.”.....	107
Rajah 4.8	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung kenyataan “Saya tidak ada masalah membaca peta.”.....	109
Rajah 4.9	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung kenyataan “Biasanya saya tidak sesat apabila berada di tempat baru yang tidak pernah saya sampai sebelum ini.” .....	110
Rajah 4.10	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung kenyataan “Saya suka gaya hidup yang aktif.” .....	114
Rajah 4.11	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung dengan kenyataan “Subjek Pendidikan Jasmani merupakan mata pelajaran kegemaran saya.” .....	116
Rajah 4.12	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung dengan kenyataan “Saya dapat menguasai kebanyakan jenis sukan dan latihan fizikal dengan mudah.....	118
Rajah 4.13	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung kenyataan “Saya suka belajar atau bekerja sambil mendengar muzik.” .....	123
Rajah 4.14	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung kenyataan “Sekiranya saya mendengar pilihan muzik sekali dua, biasanya saya dapat nyanyikan atau alunkan lagu tersebut.”.....	125
Rajah 4.15	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung kenyataan “Saya mempunyai sekurang-kurangnya tiga rakan yang rapat.” .....	128



Rajah 4.16	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung kenyataan “Saya lebih suka sukan berkumpulan seperti badminton atau bola tampar daripada sukan perseorangan seperti berenang atau jogging.” .....	130
Rajah 4.17	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung kenyataan “Saya selesa berada di samping rakan - rakan saya pada setiap masa.” .....	132
Rajah 4.18	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung kenyataan “Saya menganggap diri saya sebagai ketua (ataupun orang lain yang menganggap saya sebagai ketua).” .....	134
Rajah 4.19	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung kenyataan “Saya mudah terpesona dengan keindahan alam semula jadi walau di mana juga.” .....	138
Rajah 4.20	Perbezaan persepsi pelajar Geografi mengikut jantina berhubung kenyataan “Saya mempunyai hobi atau kegemaran istimewa saya sendiri.....	143
Rajah 5.1	Kesan dan perkaitan di antara kecerdasan kolektif pelajar dengan tahap penguasaan mata pelajaran Geografi.....	164
Rajah 5.2(a-d)	Korelasi hubungan di antara kecerdasan pelbagai..	168
Rajah 5.3	Perbezaan kecerdasan pelbagai dalam kalangan pelajar mengikut jantina dan kesan ke atas tahap pencapaian dalam mata pelajaran Geografi.....	174
Rajah 5.4	Saranan pelaksanaan pengajaran pembelajaran berasaskan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam mata pelajaran Geografi.....	187

**KECERDASAN PELBAGAI DAN HUBUNGANNYA DENGAN TAHAP  
PENGUASAAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI: KAJIAN KES DI  
SEBUAH SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI KEDAH**

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengkaji kecerdasan pelbagai yang dominan dalam kalangan pelajar sebagaimana yang dianjurkan oleh Gardner (1983) dalam teori Kecerdasan Pelbagai berhubung dengan tahap penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Geografi. Ia juga bertujuan menganalisis kepelbagaian kecerdasan yang dominan dalam kalangan pelajar mengikut jantina yang dapat membantu pelajar menguasai mata pelajaran Geografi secara berkesan. Seramai 152 orang pelajar Tingkatan Satu dari Sekolah Menengah Kebangsaan Gurun, Kedah telah dipilih sebagai responden dengan menggunakan soalan soal selidik 80 item. Data yang dikumpul dianalisis melalui Statistik Deskriptif, *Crosstabs Clustered Bar Charts* dan *Pearson r*. Keputusan kajian menunjukkan terdapat lima kecerdasan yang dominan dan tiga kecerdasan yang kurang dominan dalam kalangan pelajar Geografi tanpa mengikut jantina. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan kecerdasan pelbagai yang dominan mengikut jantina terutama sekali bagi kecerdasan Logik-Matematik, Verbal-Linguistik dan Muzik yang lebih dominan dalam kalangan pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki berdasarkan kenyataan dalam soal selidik yang merujuk kepada lapan bidang kecerdasan pelbagai. Dalam pada itu, didapati bahawa kepelbagaian kecerdasan pelbagai dominan dalam kalangan pelajar mengikut jantina dan tanpa mengikut jantina secara signifikan mempengaruhi tahap penguasaan mereka dalam mata pelajaran Geografi. Oleh itu, adalah perlu pengajaran pembelajaran berasaskan

kecerdasan pelbagai diimplementasi dalam kelas Geografi untuk mengubah persepsi negatif pelajar terhadap mata pelajaran Geografi yang dianggap sukar. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat korelasi negatif yang signifikan bagi empat kecerdasan pelbagai berhubung dengan tahap penguasaan mata pelajaran Geografi iaitu kecerdasan Visual Ruang, Intrapersonal, Logik-Matematik dan Verbal-Linguistik. Justeru itu, hasil kajian mencadangkan bahawa mata pelajaran Geografi bukan mata pelajaran susah apabila diajar berasaskan teori kecerdasan pelbagai. Malah, penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Geografi tidak semata-mata bergantung kepada kecerdasan tradisional kerana implementasi teori kecerdasan pelbagai dalam bilik darjah secara signifikan memberi kesan positif ke atas tahap penguasaan pelajar dalam mata pelajaran ini.

**MULTIPLE INTELLIGENCES AND THEIR RELATIONSHIP WITH  
GEOGRAPHY MASTERY: A CASE STUDY OF A SECONDARY SCHOOL  
IN THE KEDAH STATE**

**ABSTRACT**

This study aimed to investigate dominant multiple intelligences amongst students as proposed by Gardner (1983) in the Multiple Intelligences theory with regard to students mastery of Geography. It also aimed to analyse dominant multiple intelligences amongst students according to gender that would help those students master Geography effectively. About 152 Form One students of the Gurun Secondary School in Kedah were chosen as respondents through the use of a questionnaire of 80 items. The collected data was analysed using Descriptive Statistics, *Crosstabs Clustered Bar Charts* and *Pearson r*. The results of the study showed that there were five dominant and three less dominant intelligences amongst Geography students not according to gender. Nevertheless, there was a difference in dominant multiple intelligences amongst students according to gender, especially for the Logical-Mathematical, Verbal-Linguistic and Musical intelligences which were more dominant amongst female students compared to male students based on questionnaire statements that referred to eight multiple intelligences areas. Hereupon, it was found that dominant multiple intelligences amongst students both according to gender and not according to gender significantly influenced their Geography mastery. Thus multiple intelligences-based teaching and learning need be implemented in Geography classes in order to alter negative student perception of Geography that deems it difficult. The results of the study disclosed that there was significant negative

correlation for four of the multiple intelligences pertaining to Geography mastery, namely the Visual Spatial, Intrapersonal, Logical-Mathematical and Verbal-Linguistic intelligences. Therefore, the results of the study suggest that Geography is not a difficult subject to teach when taught using the multiple intelligences theory. Thus student mastery of Geography does not solely depend on traditional intelligences because the implementation of the multiple intelligences theory in the classroom significantly brings about positive results on student mastery of this academic subject.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Latar Belakang Kajian.**

Isu pencapaian mata pelajaran Geografi yang tidak menyerlah serta tanggapan terhadap mata pelajaran ini sebagai mata pelajaran susah telah menimbulkan masalah kepada guru-guru mata pelajaran berkenaan dalam proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, pelbagai teknik dan kaedah dicuba oleh guru Geografi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan harapan dapat membantu perkembangan intelek serta mengubah persepsi negatif pelajar terhadap mata pelajaran ini.

Ironisnya, pelbagai kaedah dan teknik telah diperkenalkan untuk meningkatkan mutu keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas namun para pelajar Geografi masih gagal menguasai mata pelajaran ini secara berkesan.

Malah dalam konteks negara Malaysia contohnya, para pelajar telah didedahkan dengan komponen mata pelajaran Geografi sejak dari sekolah rendah lagi dengan pengenalan mata pelajaran Alam dan Manusia serta Kajian Tempatan dan diteruskan dengan mata pelajaran Geografi di peringkat sekolah menengah (Ibrahim, 2004) tetapi kebanyakan pelajar masih gagal menguasai mata pelajaran ini secara berkesan.

Memang tidak dinafikan banyak sebab yang menyumbang kenapa fenomena ini berlaku seperti persepsi negatif masyarakat terhadap kepentingan, peranan Geografi dan juga persepsi pelajar yang menganggap bahawa mata pelajaran Geografi adalah sukar (Wan Rozali, 2003) sehingga kesannya semakin ketara yang mana bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran ini di peringkat menengah atas semakin berkurangan (Ibrahim, 2004; Ibrahim & Mohd. Shafiee, 2003; Wan Rozali, 2003).

Malah, senario yang serupa juga berlaku di Australia yang menunjukkan pengurangan bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran Geografi dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah menengah di Tasmania (Robertson & Dayle, 2006) termasuk fenomena ketiadaan kursus subjek khusus bagi mata pelajaran Geografi di kebanyakan institusi pengajian tinggi dan institusi perguruan serta sikap tidak menghargai sepenuhnya kepentingan mata pelajaran geografi dalam kalangan bakal guru (Morley, 2012).

Persoalan menarik mengenai fenomena ini ialah mengapa pelajar Geografi masih gagal mencapai keputusan yang baik dalam mata pelajaran ini setelah mempelajarinya sekian lama bermula dari sekolah rendah melalui komponen mata pelajaran Geografi dan seterusnya di peringkat sekolah menengah melalui mata pelajaran Geografi? Sedangkan, Geografi juga merupakan sebahagian daripada aktiviti harian pelajar (West, 2006).

Sehubungan dengan itu, jika masyarakat menganggap mata pelajaran Geografi tidak penting maka tanggapan seperti ini adalah tidak betul kerana Geografi penting sebagai teras pembangunan negara (Abdul Jalil, 2003; Kardono, 1982; Mohamad Suhaily & Mohmadisa, 2003). Lanjutan daripada itu juga, Geografi dapat menerangkan aspek sosial, ekonomi dan/atau politik dalam dunia yang sentiasa berubah (Kubiatko, Janko & Mrazkova, 2012). Malah dalam era komunis di negara Poland dan Timur Tengah Eropah, Geografi dijadikan sebagai ideologi yang dianggap paling berkesan bagi menunjukkan pencapaian dan kemajuan pembangunan ekonomi negara (Nemerkenyi, 2003; Pirög & Tracz, 2003).

Di samping itu, pengetahuan Geografi juga amat penting untuk memberi kesedaran kepada manusia bahawa kehidupan dan aktiviti yang wujud dalam ruang ini melibatkan skala global selain dapat membantu manusia menangani masalah ruangan (Mohd. Faris, 2003; Razali, 2003).

Dalam pada itu, Pendidikan Geografi mempunyai potensi menerangkan kepada pelajar tentang fenomena perubahan dunia yang bermula dari interaksi hubungan di antara alam dan manusia (Kubiatko, et al., 2012).

Lanjutan daripada itu, Geografi juga penting sebagai sebahagian daripada sains yang memiliki kedudukan unik dalam sains kerana ia merupakan ilmu multi disiplin yang merentas analisis ruangan alam dan manusia serta hubungan di antara kedua-duanya (Hopwood, 2009).



*“... peranan ilmu Geografi dalam membantu mengembangkan Wawasan Gagasan Nusantara sangat jelas. Seperti yang dirumuskan dalam Garis – garis Besar Haluan Negara di mana Geografi merupakan salah satu aspek dari delapan aspek Wawasan Nusantara...”*  
Prof. Kardono Darmoyuwono (1982).

Petikan di atas pula, jelas menunjukkan peranan Geografi dalam konteks pembangunan negara Indonesia. Demikian juga negara maju seperti Amerika dan Britain yang menjadikan Geografi sebagai alat penting dalam pembangunan negara (Mohd. Faris, 2003).

Malangnya, di Malaysia kepentingan Geografi sebagai satu mata pelajaran penting pudar apabila KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) telah diperkenalkan pada tahun 1989 dengan menukar status mata pelajaran ini daripada teras kepada elektif (Wan Rozali, 2003) dan berbalik pada kegagalan penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran Geografi juga ada hubungan dengan kegagalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang tidak efektif (Shuki, 2003), berbentuk tradisional (Idris, 1992 dalam Wan Rozali, 2003; Khadijah, 1992).

Di samping itu, amalan pedagogi konvensional dalam praktis menganggap pelajar sebagai ‘penumpang’ dalam satu-satu aktiviti pengajaran pembelajaran yang mana pelajar hanya memiliki sedikit hak penentu dalam pembelajaran mereka (Hadar & Hotam, 2012). Malah, perubahan kurikulum atau mengajar dalam kumpulan pelajar yang baru juga menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan guru (Hayes, Nikolic & Cabaj, 2001).

Ditambah pula mata pelajaran ini juga diajar oleh guru-guru yang kurang kemahiran atau tiada langsung pengetahuan dan tidak ada akses dengan kursus dalam perkhidmatan (Bell, 2005; Catling, 2004; Catling & Willy, 2009; Morley, 2012) kerana guru perlu penyuburan diri secara berterusan dalam bidang profesionalisme dalam kerjaya (Sunley & Locke, 2012).


Lanjutan daripada itu, guru yang kurang kelayakan dalam bidang ini juga membawa kesan ke atas tahap penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Geografi iaitu guru yang tidak berkelayakan mengajar dalam satu-satu mata pelajaran mungkin boleh membantu kejayaan dalam pencapaian akademik tetapi tidak mampu menyampaikan pengalaman pendidikan berkualiti yang menyebabkan kekecewaan dalam kalangan pelajar berbanding guru-guru yang berkemahiran dan berkelayakan dalam bidang berkenaan (Riha & Robles-Piña, 2009).

Persoalan yang timbul ialah apakah masalah sebenar di sebalik kegagalan penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran Geografi? Adakah ini dikaitkan dengan masalah mata pelajaran ini yang sukar? Pengajaran berpusatkan kepada pelajar yang kebanyakan guru tidak ambil berat? Atau, adakah mungkin berlaku akibat kegagalan guru Geografi mengenal pasti keistimewaan tersendiri dalam kalangan pelajar (Ann Magaret & Mohd. Zuri, 2008; Khadijah, 1992; Sternberg, 2006) yang menyebabkan pencapaian dalam mata pelajaran ini tidak menyerlah. Ini mungkin antara sebab yang menyebabkan pelajar gagal menguasai mata pelajaran ini secara berkesan.

Ironisnya, sungguhpun persepsi masyarakat terhadap kepentingan pendidikan telah berubah akibat kepesatan pembangunan negara dan perubahan sosial (Collins, 1985) tetapi perubahan ini tidak membawa apa-apa makna dalam penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Geografi kerana tanggapan masyarakat terhadap mata pelajaran ini sebagai satu mata pelajaran yang susah.

Lantaran itu, seolah-olah tidak ada jalan penyelesaian untuk membantu para pelajar Geografi untuk menjadi cemerlang dalam mata pelajaran ini kerana persepsi masyarakat terhadap kecerdasan hanyalah berlandaskan pada pandangan tradisional semata-mata yang mempercayai pada ujian IQ (Intelligence Quotient) yang lebih menfokus ke arah kecerdasan bahasa dan matematik sahaja.

Walau bagaimanapun, Dr. Howard Gardner (1983) dalam bukunya *Frame Of Mind: The Theory Of Multiple Intelligences* telah memperkenalkan kecerdasan pelbagai menyatakan bahawa kecerdasan manusia adalah lebih jauh daripada apa yang sering diperkatakan dalam pandangan tradisi lama manusia terhadap kecerdasan. Gardner (1983) yang telah memperkenalkan lapan kecerdasan berbeza yang dikatakan dimiliki oleh setiap individu dengan perbezaan kepelbagaian aras kecerdasan yang dimiliki. Kepelbagaian kecerdasan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Lapan Jenis Kecerdasan Pelbagai.  
 Sumber: Disesuaikan daripada Gardner (1983).

Sehubungan dengan itu, hakikat sekolah masa kini menunjukkan ramai pelajar yang pergi ke sekolah namun pada hakikatnya mereka tidak belajar khususnya pelajar lelaki yang dilabelkan sebagai pelajar bermasalah, berprestasi rendah dan tidak bermotivasi (Noble, Brown & Murphy, 2001). Situasi ini diburukkan lagi apabila ramai pelajar yang berbakat juga kurang motivasi untuk ke sekolah (Richard Leete, 20 November, 2004 dalam “Too many boys dropping out of school in Malaysia, says UN”. *The Star*, p.10).

Senario ini wujud kerana fokus sistem persekolahan lebih tertumpu pada dua bidang kecerdasan sahaja; iaitu Verbal-Linguistik dan Logik-Matematik (Nukman, 2003; Teele, 1994) yang mana pandangan terhadap kecerdasan di sekolah hanya tertumpu pada kecerdasan pelajar yang boleh memanipulasikan nombor dan perkataan dianggap lebih bijak berbanding pelajar yang lain walaupun kecerdasan mereka menyerlah dalam bidang lain seperti muzik atau sukan (Gardner, 1999,1993; Kincheloe, 1999; Kline, 1991).

Keadaan ini pula diburukkan oleh sikap guru yang tidak menghargai kepelbagaian kecerdasan pelajar dan tidak merancang pengajaran mereka mengikut kesemua kecerdasan atau mana-mana bidang kecerdasan khusus yang ada pada pelajar mereka (Nukman, 2003). Ini termasuklah kegagalan penyampaian isi pelajaran kepada pelajar yang mempunyai kepelbagaian potensi dan kecerdasan (Hammord, 2008/2009) kerana pengajaran kaedah tradisional gagal menerapkan elemen kaedah dan teknik pengajaran terkini yang tidak diamalkan sepenuhnya dalam pengajaran Geografi (Ilgar & Babacan, 2012).

Ditambah pula, strategi pengajaran kebanyakan guru Geografi yang kerap mengajar dengan kaedah 'Chalk-and-talk' (Abd. Jalil, 2003; Wan Rozali, 2002 dalam Wan Rozali, 2003) hanya lebih cenderung menguntungkan pelajar yang mempunyai daya tumpuan yang tinggi (Memory's link to learning styles, *The Star*, 20 November, 2004:16).

Oleh itu, dalam konteks pengajaran yang berkesan adalah perlu seseorang guru Geografi merujuk pada konsep profesional pembelajaran sendiri pelajar supaya pelajar menyedari potensi sebenar mereka (Mutton, Bum & Hagger, 2010). Ini adalah kerana dalam perspektif pelajar, mereka menyatakan bahawa pengalaman belajar mereka yang sebenar ialah apabila mereka secara aktif dapat menentukan proses pembelajaran mereka sendiri (Hadar & Hotam, 2012). Tambahan pula, individu adalah berbeza dan memiliki gaya pembelajaran yang tersendiri (Healey & Jenkins, 2000).

Sehubungan dengan itu, maka pengetahuan guru Geografi terhadap persepsi, kepentingan dan kepelbagaian aras kecerdasan pelbagai pelajar dapat membantu pelajar mencapai tahap penguasaan dalam mata pelajaran Geografi.

### **1.1 Pernyataan Masalah.**

Kerajaan telah meletakkan satu wawasan negara iaitu Wawasan 2020 dengan harapan dapat meletakkan negara pada masa hadapan sebagai sebuah negara maju dan usaha ke arah mencapai wawasan ini telah dibuat melalui projek-projek mega seperti Multimedia Koridor Raya (MSC). Walau bagaimanapun, kesedaran terhadap kepentingan Geografi sebagai penggerak pembangunan negara masih kurang. Ditambah pula tanggapan masyarakat terhadap mata pelajaran Geografi tidak penting, bukan mata pelajaran teras dan merupakan mata pelajaran yang susah (Wan Rozali, 2003) menyebabkan kualiti pencapaian pelajar terhadap mata pelajaran ini tidak menyelerah.

Hakikat senario pembelajaran pelajar pada masa kini menunjukkan kebanyakan pelajar tidak bermotivasi akibat daripada penekanan yang keterlaluan terhadap teori IQ. Keadaan ini pula ditambah dengan sikap guru yang tidak meletakkan harapan yang tinggi terhadap pelajar khususnya pelajar yang mengambil mata pelajaran Geografi di peringkat menengah atas kerana pelajar berkenaan hanya layak mengambil mata pelajaran ini sahaja setelah gagal memasuki aliran sains.

Walau bagaimanapun, di peringkat menengah rendah situasi yang sama menunjukkan bahawa pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ini tidak memuaskan. Jika dibandingkan pencapaian Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) pelajar Geografi di sekolah yang dikaji bagi tempoh 12 tahun dalam Jadual 1.1 menunjukkan kualiti pencapaian mengikut gred adalah tidak konsisten dan jumlah pelajar yang memperoleh gred C dan D adalah sangat tinggi iaitu seramai 2,833 pelajar bagi tempoh 12 tahun berbanding dengan pelajar yang mencapai gred A dan B seramai 803 pelajar dalam tempoh yang sama.

Manakala, pelajar yang mendapat gred E seramai 389 pelajar. Ini menunjukkan bahawa terdapat jurang pencapaian dalam kalangan pelajar. Isu di sini ialah kumpulan pelajar yang mencapai tahap penguasaan gred C, D dan E adalah ramai berbanding kumpulan pelajar yang mendapat gred A dan B menunjukkan bahawa pelajar sukar untuk menguasai mata pelajaran ini sekaligus menunjukkan bahawa mata pelajaran Geografi adalah satu mata pelajaran yang susah.

Jadual 1.1: Perbandingan gred pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Geografi bagi tempoh 12 tahun di sekolah yang dikaji.

Tahun	Bilangan Calon	Gred					% LULUS
		A	B	C	D	E	
1998	305	48	57	101	163	41	90.00
1999	305	30	28	96	131	20	93.44
2000	368	16	37	101	174	40	89.10
2001	372	17	44	115	155	33	90.93
2002	307	26	49	79	128	25	91.86
2003	336	27	41	101	145	22	93.45
2004	320	22	35	93	130	36	88.61
2005	317	31	29	93	143	21	93.38
2006	313	22	29	97	126	39	87.56
2007	333	15	43	98	119	29	91.29
2008	334	29	40	103	120	42	87.43
2009	351	46	42	99	123	41	88.32
Jumlah	3,961	329	474	1,176	1,657	389	90.17

Sumber: Disesuaikan daripada Majalah Jerai (2001, 2002, 2003, 2004, 2005, 2006, 2007, 2009, 2010)

Jadual 1.2: Analisis pencapaian Peperiksaan Akhir Tahun 2009 bagi mata pelajaran Geografi tingkatan satu dalam kajian kes sekolah terpilih.


Tingkatan	Bilangan Calon	Gred					% LULUS
		A	B	C	D	E	
1K	28	1	8	11	6	2	92.86
1A	37	9	25	3	0	0	100.00
1B	36	2	14	12	7	1	97.22
1C	36	2	4	19	9	2	94.44
1D	36	0	1	13	14	8	77.78
1E	38	0	3	16	15	4	89.47
1F	38	0	3	6	15	14	63.16
1G	36	0	1	6	15	13	63.88
1H	32	0	0	1	14	15	53.12
1I	26	0	0	0	7	19	26.92
Jumlah	343	14	59	87	102	78	77.25

Sumber: Unit Peperiksaan Dalaman SMK (Sekolah Menengah Kebangsaan) Gurun, 2009.




Senario yang sama juga dapat ditunjukkan melalui Analisis pencapaian Peperiksaan Akhir Tahun 2009 bagi mata pelajaran Geografi dalam kalangan pelajar tingkatan satu di sekolah terpilih seperti dalam Jadual 1.2 yang mana pelajar dalam kumpulan gred D dan E adalah sangat tinggi iaitu seramai 180 pelajar manakala kumpulan pelajar mendapat gred C ialah 87 pelajar.

Pelajar yang mendapat gred A dan B adalah sangat sedikit iaitu seramai 63 pelajar sahaja menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Geografi masih sangat rendah seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.2 di bawah.



Rajah 1.2: Analisis pencapaian Peperiksaan Akhir Tahun, 2009.  
 Sumber: Unit Peperiksaan Dalaman SMK Gurun, Kedah.

Sememangnya seperti yang dinyatakan awal-awal lagi terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar Geografi dan salah satu faktor yang jelas adalah wujudnya perbezaan keupayaan pembelajaran dalam kalangan pelajar (Cruickshank, Jenkins & Metcalf, 2003) yang mempengaruhi tahap penguasaan mereka dalam mata pelajaran Geografi seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.3.



Rajah 1.3: Enam arah yang mana pelajar berbeza.  
Sumber: Ubahsuai daripada Cruickshank, at el., (2003).

Walau bagaimanapun, apa yang pengkaji hendak tekankan ialah persoalan adakah pengajaran pembelajaran Geografi mengambil kira kecerdasan pelbagai dalam kalangan pelajar dari aspek keupayaan dalam pembelajaran? Adakah para pelajar telah menggunakan sepenuhnya kecerdasan pelbagai yang mereka miliki atau guru tidak menggunakan pendekatan atau aktiviti yang memenuhi kecerdasan pelbagai pelajar?

Oleh yang demikian, guru Geografi perlu sentiasa memikirkan aktiviti pembelajaran dalam kelas dari semasa ke semasa seperti bertanya pada diri sendiri tentang soalan biasa dalam bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan. Malah, adalah sangat perlu seseorang guru mengambil kira pandangan konsep pembelajaran dalam kalangan pelajar untuk membolehkan mereka menyedari potensi masing-masing (Mutton, at el., 2010).

Konsep ini adalah selaras dengan hasil kajian dalam pendidikan yang membuktikan bahawa pelajar yang secara aktif terlibat secara langsung dengan proses pengajaran dan pembelajaran menunjukkan sedikit pencapaian (Dewar & Hartman, 1995 dalam Blackmore, 1996) yang mana pelajar yang terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran sendiri akan merasa lebih yakin seterusnya berlaku peningkatan pencapaian sendiri.

Malah, Blackmore (1996) menyatakan kunci terpenting yang dapat melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pengajaran pembelajaran ialah pemahaman terhadap kaedah pengajaran pembelajaran yang secara negatif atau positif mempengaruhi pencapaian pelajar.

Sehubungan dengan itu dinyatakan juga sekiranya pelajar diajar mengikut keadaan yang konsisten terhadap proses pengajaran pembelajaran yang diinginkan oleh mereka, pelajar secara afektif boleh membantu meningkatkan pencapaian, memperbaiki sikap mereka terhadap sekolah dan juga dapat mengurangkan masalah disiplin (Domino, 1997; Hodges, 1982).

Jika kaedah pengajaran dan pembelajaran didakwa dapat membolehkan pelajar belajar dengan lebih berkesan maka ia juga adalah sama dengan kecerdasan pelbagai kerana teori kecerdasan pelbagai dan kaedah pembelajaran mempunyai perkaitan yang saling sokong-menyokong di antara kedua-duanya (Nukman, 2003).

Oleh yang demikian, maka para pelajar Geografi seharusnya diajar mengikut kecerdasan pelbagai yang mereka miliki. Pendek kata, pengajaran dan pembelajaran dalam kelas seharusnya memenuhi kecerdasan pelbagai sedia ada pelajar yang dominan iaitu pengajaran pembelajaran adalah perlu sesuai dengan persepsi dan minat pelajar (Könings, Brand-Gruwel & Merriënboer, 2011).

Dalam konteks pengajaran pembelajaran Geografi di sekolah menengah di Malaysia, pencapaian para pelajar yang tidak memuaskan membayangkan para pelajar tidak mendapat faedah sepenuhnya daripada kecerdasan pelbagai yang mereka miliki. Ini disebabkan oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran Geografi kurang memanfaatkan pelaksanaan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam proses pengajaran pembelajaran Geografi kerana itu kaedah pengajaran pembelajaran kebanyakan guru Geografi masih mengajar dengan kaedah tradisional (Idris, 1992 dalam Wan Rozali, 2003; Khadijah, 1992).

Di samping itu juga, pelajar perempuan menunjukkan pencapaian yang lebih baik berbanding dengan pelajar lelaki dalam kelas (Coley, 2001). Walau bagaimanapun, kajian ke atas pelajar cemerlang dalam kelas menunjukkan sebab utama kejayaan pelajar perempuan ialah keinginan yang kuat untuk berjaya dan sangat perihatin

terhadap hubungan mereka dengan pelajar lain (Skelton, 2010) sekaligus menunjukkan kecerdasan pelbagai memainkan peranan penting dalam kejayaan mereka. Persoalannya, adakah jantina mempunyai kaitan dengan tahap penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran Geografi? Adakah kecerdasan pelbagai yang ketara di antara jantina? Atau adakah aktiviti pengajaran pembelajaran guru hanya memenuhi kecerdasan pelbagai dalam kalangan pelajar perempuan?

Persoalan ini perlu diambil perhatian dalam usaha mencari kaedah baru dalam pengajaran pembelajaran Geografi, bagaimana guru dapat memaksimumkan kapasiti pembelajaran dalam kalangan pelajar untuk membantu mereka mencapai tahap penguasaan yang seharusnya.

Sehubungan dengan itu, pengkaji berminat membuat kajian ke atas kecerdasan pelbagai dalam kalangan pelajar tingkatan satu di sekolah menengah luar bandar yang terpilih berhubung dengan kecerdasan pelbagai yang dominan tanpa mengira jantina dan sama ada terdapat perbezaan kecerdasan pelbagai di antara jantina. Pengkaji juga berminat untuk mengetahui sama ada terdapat korelasi hubungan yang signifikan di antara kecerdasan pelbagai dengan tahap penguasaan mereka dalam mata pelajaran Geografi serta menilai sama ada pencapaian pelajar semata-mata bergantung sepenuhnya pada kecerdasan IQ.

## **1.2 Rasional Kajian.**

Walaupun kajian kecerdasan pelbagai yang dikaitkan dengan mata pelajaran Geografi masih sangat kurang tetapi kajian seumpama sangat banyak dalam bidang lain seperti bahasa, sains dan matematik. Ini menunjukkan bahawa kecerdasan pelbagai merupakan faktor yang penting yang mempengaruhi pembelajaran seseorang.

Malahan, kebanyakan negeri di Amerika Syarikat telah mengamalkan teori kecerdasan pelbagai dalam sistem pendidikan. Sehubungan dengan itu, telah diwujudkan satu projek yang dikenali sebagai 'Project SUMIT' (The Project on School Using Multiple Intelligences Theory) (Project SUMIT, 2003; Project Zero, 2003) merupakan projek 3 tahun mengkaji sekolah yang mengamalkan Teori Pelbagai Kecerdasan oleh Howard Gardner.

Projek ini telah dimulakan pada bulan Januari 1997 melalui perbualan telefon dengan para pengetua dan guru-guru di 41 buah sekolah serta para pentadbir dari tiga buah sekolah daerah bagi mencari guru-guru untuk memberi keterangan bagaimana mereka mengintegrasikan kecerdasan pelbagai dalam kurikulum, penilaian, pembangunan profesional dan lain-lain aktiviti organisasi.

Ia juga melihat, mengenal pasti serta mempromosikan implementasi yang afektif terhadap kecerdasan pelbagai yang bertujuan untuk meningkatkan pencapaian pelajar (Fatt & Poon, 2000; Kornhaber, 1997).

Sehubungan dengan itu, dalam konteks pendidikan di Malaysia implementasi kecerdasan pelbagai dalam pendidikan mula diperkenalkan pada tahun 2001 dengan pengenalan modul *Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Dalam Pengajaran dan Pembelajaran* (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001) dan sebahagian daripada dokumentasi awal mengenai teori ini juga telah disiarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum melalui laman web *Myschoolnet*.

Oleh itu, adalah dipercayai bahawa sekiranya teori kecerdasan pelbagai ini diambil kira dalam konteks pendidikan ia sudah tentu mempunyai pengaruh positif terhadap pembelajaran dalam kalangan pelajar.

Malahan jika teori ini diimplementasikan di kelas maka ia dapat membolehkan semua pelajar merasa diterima dan dihargai di samping dapat membantu membentuk keyakinan diri yang seterusnya membawa rangsangan dalam pelajaran (Kolata, 2003; Manner, 2001; Ryo & Kim, 1999).

Ini kerana apabila keperluan intelektual pelajar tidak dipenuhi secara umum mereka tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi (Bandura, 1986; Pajares & Schunk; Zimmerman, 1995). Oleh yang demikian, seharusnya teori pembelajaran ini dimasukkan dalam pendidikan guru pelatih dan mewajibkannya di peringkat sekolah (Nukman, 2003).



Di samping itu, adalah sangat penting diambil perhatian bahawa kecerdasan pelbagai mempunyai hubungan dengan kaedah pembelajaran para pelajar yang seharusnya diambil kira oleh guru apabila menyediakan rancangan pengajaran kerana pemahaman pelajar terhadap konsep yang diajar oleh guru adalah sangat penting (Lachs, 2000:6).

Malahan kajian telah menunjukkan peningkatan pencapaian pelajar dalam pelbagai bidang apabila sekolah mengimplementasikan pengajaran berdasarkan kecerdasan pelbagai (Eisner, 1998; Gardner, 2000:80; Mettetal & Jordan, 1997).

Ini kerana tujuan konsep kecerdasan pelbagai adalah untuk membantu pelajar mengenal pasti bidang kecerdasan unik mereka apabila memproses isu-isu pembelajaran selain menyerlahkan kemahiran, membiasakan mereka dengan kebiasaan tingkah laku positif, menjadi pelajar bertanggungjawab, kreatif dan berjaya sebagai individu (Uzunöz, 2011).

Selain dari itu, Richard Leete (20 November, 2004 dalam “Too many boys dropping out of school in Malaysia, says UN”. *The Star*, p.10.) menyatakan bahawa bilangan pelajar lelaki yang tercicir dalam persekolahan peringkat menengah dan atas di negara kita (Malaysia) adalah sangat tinggi yang menunjukkan bahawa pembelajaran pelajar secara umum di sekolah menghadapi masalah minat.

Oleh yang demikian, dengan alasan ini maka pengkaji yakin bahawa keberkesanan dan pencapaian para pelajar di Malaysia dalam mata pelajaran Geografi yang kurang menyerlah boleh ditingkatkan dengan pelaksanaan teori kecerdasan pelbagai dalam kelas yang dipilih sebagai salah satu pemboleh ubah dalam kajian ini.

### **1.3 Skop Dan Batasan Kajian.**

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Gurun di Negeri Kedah dalam Daerah Kuala Muda yang terletak di kawasan luar bandar sebagai kajian kes melibatkan 152 orang pelajar tingkatan satu sebagai responden kajian dan dijalankan untuk menilai hubungan kecerdasan pelbagai pelajar dengan tahap penguasaan mata pelajaran Geografi. Kajian ini lebih menjurus pada kajian terhadap ujian kognitif yang melibatkan proses intelektual dan tidak melibatkan kajian ke atas kecerdasan moral atau kecerdasan rohani.

Dalam kajian ini, 50 peratus sahaja pelajar pelbagai prestasi daripada populasi pelajar tingkatan satu telah dipilih secara rawak sebagai responden. Untuk menentukan kesahihan data yang dikutip, pelaksanaan kutipan soal selidik dijalankan dalam bentuk kelas peperiksaan untuk menggambarkan pendirian sebenar responden kerana kutipan data yang baik sangat bergantung pada kejujuran dan sikap tanggungjawab responden semasa menjawab soalan soal selidik (Gay, 1992; Nukman, 2003; Tuckman, 1978).

Walaupun kajian ini dijalankan di salah sebuah sekolah terpilih sahaja tetapi hasil kajian dapat memberikan gambaran sebenar tentang bidang kecerdasan pelbagai pelajar yang dominan dalam kalangan pelajar tingkatan satu dan juga dalam kalangan pelajar yang berada di tingkatan lain berhubung dengan persamaan bidang kecerdasan pelbagai yang paling dominan serta perkaitan dengan tahap penguasaan mereka dalam mata pelajaran Geografi.

Di samping itu, walaupun kajian ini hanya merujuk pada kecerdasan pelbagai yang dominan yang selalunya berbeza mengikut jantina untuk mata pelajaran Geografi tetapi hasil kajian terhadap hubungan kecerdasan pelbagai pelajar dengan tahap penguasaan terhadap mata pelajaran Geografi hanya untuk mata pelajaran Geografi peringkat menengah rendah sahaja tetapi ianya boleh juga diadaptasi untuk mata pelajaran Geografi di peringkat menengah atas.

### **1.3.1 Definisi Operasional.**

Berikut merupakan definisi bagi terminologi yang digunakan di dalam kajian ini:-

#### **1.3.1.1 Guru Geografi.**

Merujuk kepada guru yang mengajar mata pelajaran Geografi di sekolah sama ada sebagai guru opsyen atau diarahkan oleh pihak sekolah.

### **1.3.1.2 Pelajar Geografi.**

Merujuk kepada pelajar yang mengambil mata pelajaran Geografi sebagai sebahagian mata pelajaran akademik di peringkat sekolah menengah dan menduduki peperiksaan sebagai penilaian terhadap tahap penguasaan.

### **1.3.1.3 Tahap Penguasaan Mata pelajaran Geografi.**

Bermaksud kebolehan atau kemahiran menguasai mata pelajaran itu sendiri. Dalam hal ini, kebolehan pelajar Geografi diukur berdasarkan pada skor mata pelajaran Geografi yang diperoleh dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2010 dengan menggunakan skor berbentuk gred sama ada A, B, C, D atau E.

### **1.3.1.4 Persepsi Pelajar.**

‘Persepsi’ pelajar secara mudah didefinisikan sebagai tanggapan individu terhadap sesuatu perkara. Dalam konteks kajian ini, ‘persepsi’ didefinisikan sebagai tanggapan positif atau negatif individu berasaskan kecenderungan nurani, kekuatan imaginasi dan kepekaan terhadap aktiviti pembelajaran mata pelajaran Geografi berasaskan Teori Kecerdasan Pelbagai.

### **1.3.1.5 Kecerdasan Pelbagai Dominan.**

Dalam kajian ini ia merujuk pada kecerdasan semasa yang dominan dalam kalangan pelajar.

### **1.3.1.6 Kecerdasan.**

Walaupun setakat ini tidak terdapat definisi kecerdasan yang diterima secara universal (Sigelman & Shaffer, 1995) tetapi Gardner telah mendefinisikan kecerdasan sebagai kebolehan menyelesaikan masalah atau menghasilkan tingkah laku yang bernilai dalam satu atau lebih latar belakang kebudayaan (Gardner & Hatch, 1989) dan yang lain pula menyatakan bahawa kecerdasan merupakan kebolehan berfikir secara kreatif atau menyelesaikan masalah secara efektif (Sigelman & Shaffer, 1995). Dalam konteks kajian ini, kecerdasan ialah merujuk pada kebolehan pelajar dalam pembelajaran.

### **1.3.1.7 Kecerdasan Pelbagai.**

Mengikut Teori Kecerdasan Pelbagai, Gardner (1983; 1999) yang telah mencadangkan bahawa setiap manusia memiliki lapan set kecerdasan yang membolehkan manusia menyelesaikan, menghasilkan tingkah laku yang bernilai dalam satu atau lebih latar belakang kebudayaan. Kecerdasan tersebut ialah Logik-Matematik, Verbal-Linguistik, Muzik, Visual Ruang, Kinestetik, Interpersonal, Intrapersonal dan Naturalis.